

D153

U B512 DEB
MAHATHIR - PROJEK

BALING, 17 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN MELAKSANAKAN SEGALA PROJEK PEMBANGUNAN YANG MELIBATKAN PERBELANJAAN BERIBU-RIBU JUTA RINGGIT SEJAK MERDEKA KERANA KERAJAAN SEDAR PEMBANGUNAN PENTING UNTUK RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN BARISAN NASIONAL MELALUI WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH MENYEDARI BAHAWA RAKYAT MEMILIH MEREKA DALAM PILIHAN RAYA KERANA MAHUKAN PEMBANGUNAN.

DENGAN WUJUDNYA KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT, DAPATLAH PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DILAKSANAKAN UNTUK RAKYAT, KATANYA SEMASA MERASMIKAN PROJEK PEMBANGUNAN MINI ESTET RISDA DI KAMPONG SADEK, DEKAT SINI.

PADA ZAMAN PENJAJAH, KATANYA, KERAJAAN BRITISH BUKAN SAHAJA TIDAK MENJALANKAN PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK RAKYAT MALAHAN MEREKA MEMBAWA KELUAR WANG YANG BANYAK DARI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH, SETELAH MENCAPAI KEMERDEKAAN, KERAJAAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA KAWASAN LUAR BANDAR DARIPADA SEGI PEMBANGUNAN KERANA IA KETINGGALAN DI ZAMAN PENJAJAH BERBANDING DENGAN KAWASAN BANDAR.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TIDAK MENGABAIKAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN BANDAR, TAMBAHNYA. -- LAGI
1627MST 17 08 87

D154

U B513 DEB
MAHATHIR - PROJEK 2 BALING

PERDANA MENTERI BERKATA HARAPAN PEKEBUN KECIL UNTUK MENIKMATI HASIL YANG LUMAYAN DARIPADA GETAH CERAH MEMANDANGKAN HARGA GETAH AGAK BAIK SEKARANG.

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU (DEB), BELIAU BERKATA IA DILAKSANAKAN UNTUK MEMPASTIKAN KEMAJUAN DAPAT DIRASAI OLEH SEMUA GOLONGAN RAKYAT.

KATANYA, TUDUHAN PARA PENGKRITIK KONONNYA DEB MENGUNTINGKAN SEGELINTIR ORANG SAHAJA TIDAK BENAR. INI TERBUKTI APABILA KEADAAN KEMELESETAN BERLAKU, BANYAK ORANG YANG DIKATAKAN KAYA HASIL DEB, TELAH BANGKRAP.

BELIAU BERHARAP RAKYAT SEMUA KAUM AKAN MENYOKONG DEB DAN TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN DAKYAH YANG MEMBURU-BURUKKAN KERAJAAN MENGENAI DEB.

KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, DATUK DR SULAIMAN DAUD, YANG DIRINGI OLEH MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, DENGAN HELIKOPTER DARI ALOR SETAR DISAMBUT OLEH TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, RAJA ARIFFIN RAJA SULAIMAN, DAN ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI. -- LAGI

1629MST 17 08 87

U B514 DEB
MAHATHIR - PROJEK 3 BALING

TENGAH HARI TADI, DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MENGHADIRI MAJLIS JAMUAN MAKAN DI RUMAH SETIAUSAHA PERIBADINYA, HAJI ABU BAKAR HUSSEIN, DI KAMPUNG PADANG, JITRA.

JAMUAN ITU DIADAKAN SEMPENA PERKAHWINAN ANAK LELAKI HAJI ABU BAKAR, ENCIK NORHILAL. -- BERNAMA
1629MST 17 08 87